



Ruj. Kami : J. Pel.Pk.(Koku) 4531/1/13/ Jld.7 (2f)  
Tarikh : 8 Rejab 1439H  
26 Mac 2018

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA CAWANGAN PERAK,  
IBU PEJABAT CAWANGAN,  
JALAN KOMPLEKS SUKAN,  
31400 IPOH,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

Tuan,

**KEBENARAN BAGI PENGANJURAN KURSUS KEPIMPINAN JPN – BSMM TAHUN 2018**

Sukacita saya merujuk surat tuan BSMM/CP/B&KK/18(005) bertarikh 14 Mac 2018 mengenai perkara di atas.

2. Setelah meneliti surat tuan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak tiada halangan untuk pihak tuan berurusan dengan pihak sekolah bagi menjayakan program tersebut. Walaubagaimanapun ia adalah terhad dan bergantung kepada persetujuan dan kebenaran pihak sekolah serta guru yang berkenaan sahaja bagi hal-hal yang berkaitan dan pihak tuan adalah tertakluk kepada *Surat Pekeliling Ikhlas Bilangan 10/2011 Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia* serta dibaca bersama peraturan-peraturan yang terkandung dalam *SPI 24/1998 (Penglibatan Guru dan Murid Dalam Aktiviti Pasukan Pakaian Seragam Agensi Kerajaan dan Agensi Bukan Kerajaan)* berhubung urusan membawa murid menyertai aktiviti luar sekolah.

3. Untuk makluman pihak tuan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dalam usaha Melindungi Masa Intruksional (MMI) iaitu masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian sebarang aktiviti yang melibatkan murid dan guru dicadangkan diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.

4. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak mengalu-alukan penganjuran program di atas. Namun begitu, pihak tuan haruslah menepati syarat-syarat berikut:-

- a. Persetujuan mestilah diperolehi dari Pengetua/Guru Besar sekolah terlibat.
- b. Tiada unsur paksaan terhadap guru dan murid untuk menyertai program berkenaan. Patuhi surat siaran hari Sabtu yang dibenarkan iaitu Sabtu minggu kedua dan keempat sahaja. Tiada sebarang aktiviti dan mesyuarat untuk dijalankan pada hari Sabtu minggu pertama, ketiga dan kelima tidak dibenarkan. (*Rujuk Surat Siaran KPM Bil.2 Tahun 2016*)
- c. Penglibatan murid mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga dan tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

spk/kokut/mckh